

6889

**Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia:
Cawangan Negeri Sembilan 18 (1994)**

PERANAN ACEH MEMELIHARA DAN MEMBAIKPULIH KHAZANAH SEJARAH

Oleh

Ibrahim Mustapa

*(Yang turut menyertai lawatan dan penyelidikan ke Aceh
pada 20-25 November 1995, anjuran
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan)*

MUKADDIMAH

Sejarah kebangkitan Aceh sebagai pusat ilmu dan kebudayaan Islam serta pusat perdagangan antarabangsa di Nusantara sejak kejatuhan Melaka ke tangan Portugis tahun 1511 amat menarik dan mengagumkan.

Aceh telah menggantikan peranan Melaka sebagai sebuah empayar yang terkenal disekitar Selat Melaka dengan pembentukan Kerajaan Islam oleh Sultan Alauddin Ali Mughaiyat Ayah pada tahun 1511.

Sebagai salah satu daripada 'Lima Besar Islam', selain Kerajaan Turki Uthmaniyah, Kerajaan Islam Moroko, Kerajaan Islam Isfahan (Iran), dan Kerajaan Islam Agra, Kerajaan Islam Aceh Darussalam telah dikenali dahulu dengan nama jolokan 'Serambi Makkah'. Kini, ibu kota negara Aceh ialah Banda Istimewa Aceh yang merupakan pusat perkembangan dan kegiatan politik, ekonomi dan sosial.

SEJARAH RINGKAS BANDA ACEH, IBU KOTA PROPINSI DAERAH ISTIMEWA ACEH

Pada tahun 1205 masihi (1 Ramadan 601 Hijrah), umat Islam Kerajaan Indra Purba telah mengisytiharkan wujudnya Kerajaan Islam yang diberi nama Kerajaan Darussalam dan ibu kota negara yang baru iaitu Bandar Darussalam yang terletak di Sungai Kuala Naga, di Kuala Sungai Aceh sekarang. Sebelum ini ibu Kota Kerajaan Darussalam ialah di Lamuri (A.Hasjmy : 1983)

Orang yang bertanggungjawab sebagai arkitek yang membangunkan kota Bandar Darussalam ini ialah Sultan Alauddin Johan Syah. (Yunus Jamil : 1968).


Pada tahun 1465 - 1480 masihi, Kerajaan Darussalam, Kerajaan Daya dan Kerajaan Pidie telah digabungkan membentuk Kerajaan Aceh. Ibu kota Negara Bandar Darussalam telah ditukar kepada Banda Aceh Darussalam. (Yunus Jamil : 1968). Sultan yang memerintah ketika itu ialah Sultan Hussain Syah. Sejak itu Banda Aceh terus berkembang dan menjadi kebanggaan umat Islam seluruh kawasan kepulauan Nusantara.

Pada 24 Januari 1874, Belanda telah berjaya menduduki Aceh. Jeneral Belanda yang bernama Van Swieten telah menurunkan dan mengusir Sultan Alauddin Muhammad Daud Syah dari takhta Kraton Darul-Dunia. Ibu kota Negara Aceh telah ditukar kepada Kutaraja.


Menurut Prof. Dr. Ali Hasymy (1971):

"Babawa Kerajaan Aceh sesuai dengan Hukum Perang, menjadi hak milik Kerajaan Belanda, dan Banda Aceh itu dinamainya dengan Kutaraja, yang kemudian disahkan oleh Gubernur Jeneral di Batavia dengan beslit yang bertanggal 16 Maret 1874, dan semenjak itu rasmlah Banda Aceh Darussalam dikebumikan dan di atas puseranya ditegakkan Kutaraja sebagai lambang dari kolonialisma".

Pada tahun 1963, satu keputusan Menteri Pemerintahan Umum dan Otonomi Daerah Aceh telah dibuat iaitu menggantikan semula Kutaraja kepada Banda Aceh Darussalam setelah nama itu di benamkan oleh Belanda kira-kira 89 tahun. Mulai dari itu rasmlah Banda Aceh menjadi nama ibu kota Propinsi Daerah Istimewa Aceh.



Bandar Aceh - pandangan dari atas jambatan jalan besar, Jalan Diponegoro



Alam Cap Peudeung (Bendera Aceh)

USAHA ACEH MEMELIHARA DAN MEMBAIKPULIS KHAZANAH SEJARAH

Usaha dan langkah positif pemerintah Aceh memelihara dan membaikpulis khazanah sejarah mereka amat terpuji da mengagumkan.

Sebagai contoh, Masjid Jamek Baiturrahman di tengah-tengah Bandar Aceh yang pernah dibakar oleh Belanda pada tahun 1873 dahulu telah dibina semula selepas perang. Masjid itu telah diperbesarkan dengan menambah dua buah kubah besar pada tahun 1932.

Pada tahun 1958, masjid itu diperbesarkan lagi dengan tambahan dua buah kubah dan dua menara sehingga besarnya menjadi empat kali ganda daripada sebelumnya. Masjid ini dijadikan pusat kegiatan ibadat dan juga merupakan sebuah lembaga perguruan tinggi (Universitas) yang terbesar di Asia tenggara waktu itu yang lengkap dengan pelbagai cabang ilmu pengetahuan.


Masjid-masjid lain yang ternama yang dipelihara dengan baik ialah Masjid Baiturrahim yang dibina oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607 masihi), dan Masjid Baitul-Musyahadah yang dibina oleh Sultan Mughaiyat Syah Iskandar Thani (1637 masihi).

Ketiga-tiga masjid ini menjadi pusat kegiatan ilmu sehingga Banda Aceh pada zaman kegemilangannya terkenal dengan panggilan 'Kota Universitas'. (M.Said : 1961).

Satu perkara yang menarik perhatian ialah bentuk bangunan beberapa buah masjid yang ditemui di daerah Pandrah, contohnya Masjid Syuhada yang amat



Masjid Baiturrahman di Banda Istimewa Aceh



Ruang dalam masjid Baiturrahman. Reka bentuk dan seni ukirnya bamptr menyamai dengan reka bentuk yang terdapat pada masjid Alhamra dan Cordova di Sepanyol - seni bina Islam zaman Kerajaan Bani Umayyah di Sepanyol



Masjid Syuhada di Pandrah, Aceh - bentuknya hampir menyerupai beberapa buah masjid tua di Melaka.

mirip menyerupai bentuk masjid yang terdapat di Melaka, seperti masjid Al Azim ada beberapa buah lagi yang lain. Ini membuktikan bahawa sejarah di Aceh ada hubungkaitnya dengan sejarah di Tanah Melayu, Khususnya tentang perkembangan Islam.

Menurut ketentuan yang termuat dalam Qanun Mahkota Alam, dalam tiap-tiap kampung ada masjid dan harus pula ada 'meunasah' atau Sekolah Dasar untuk belajar ilmu keagamaan. (Di Meulek: Qanun Meukuta Akim hal. 44)

PERPUSTAKAAN DAN MESEUM YAYASAN PENDIDIKAN ALI HASJMY, BANDA ISTIMEWA ACEH

Usaha selanjutnya yang diambil oleh Kerajaan Aceh memelihara dan membaikpulih khazanah sejarahnya ialah penubuhan Perpustakaan dan Meseum Yayasan Pendidikan Ali Hasjmy, Banda Aceh. Perpustakaan dan meseum ini merupakan pusat informasi sejarah dan kebudayaan Islam dan Melayu di Aceh, dan juga pusat pengumpulan khazanah dunia Melayu Raya.

Direktur atau Pengarah perpustakaan dan meseum ini ialah Prof. Ali Hasjmy sendiri yang telah dengan rela dan bermurah hati menjadikan rumah kediamannya sebagai perpustakaan tersebut.


Koleksi alat kesenian dan kebudayaan Aceh, senjata-senjata lama, kitab-kitab lama, alat-alat tembikar purba, dokumen-dokumen sejarah Aceh dan Indonesia, serta pelbagai artifak tersimpan dan terpelihara dengan baik di perpustakaan ini.



Anggota rombongan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan bergambar kenangan di perkarangan Perpustakaan dan Meseum Yayasan Pendidikan Ali Hasjmy, Banda Istimewa Aceh. Berdiri di tengah (bersongkok) ialah Prof. Ali Hasjmy, Direktur Perpustakaan ini. Beliau pernah menjadi Gabernur Kepala Daerah Propinsi Daerah Istimewa Aceh (1957-1964).




Koleksi kitab-kitab, buku-buku dan dokumen lama di Perpustakaan Ali Hasjmy.



Koleksi barang-barang tembaga dan tembikar lama di Perpustakaan Ali Hasjmy.



Koleksi senjata lama di Perpustakaan Ali Hasjmy.



Koleksi seni tekat dan anyaman masyarakat Aceh - lambang keagungan kesenian dan kebudayaan silam.

KOMPLEKS BAPRIS

Bapris ialah singkatan kepada Badan Rumpun Iskandar Muda. Di kompleks inilah terletaklah Meseum Aceh dan Makam Di Raja.

Satu daripada bangunan utama meseum ini ialah yang berbentuk Rumoh Aceh, manakala yang lain itu adalah berbentuk bangunan moden.

Rumoh (rumah) Aceh yang terdapat dalam kompleks BAPRIS ini amat menarik dan dijaga dengan rapi keasliannya yang melambangkan ciri-ciri kehidupan masyarakat Aceh.

Rumoh Aceh ini mempunyai 'Seuramon-Ken' (serambi depan) yang gunanya ialah sebagai tempat menerima tetamu lelaki, serta menjadi tempat tidur dan tempat makan mereka. Selain itu ialah 'Seuramon-Likoot' (serambi belakang), sebagai tempat menerima tetamu wanita serta menjadi tempat tidur dan tempat makan mereka.

Seterusnya ialah 'Rumoh-Inong' (dapur) yang kedudukannya rendah daripada serambi itu. Dapur ini sama panjangnya dengan serambi belakang itu.


Bagi rumah orang kenamaan dan ketua-ketua kampung, terdapat binaan yang dipanggil "keupaleh", iaitu pintu gerbang yang ada bilik kecil di atasnya (bilik pengawal).

Segala rupa bentuk peralatan, kelengkapan rumah, hiasan dan susunan yang diadakan dalam rumah Aceh ini turut diberikan manifestasi yang sewajarnya bagi menjelaskan keadaan sebenar kehidupan masyarakat tradisional Aceh.

Turut dipelihara oleh Kerajaan Aceh ialah rumah kediaman berbentuk rumah Belanda peninggalan penjajah Belanda seperti yang terdapat di sekitar Jalan Merduti dan Jalan K.H. Dahlan.

Di kompleks BAPRIS ini juga terdapat dua kawasan makam raja-raja Aceh yang terpelihara dengan baik dan rapi. Yang pertama ialah makam Sultan Alaidin Johan Syah (1735-1760 m), Sultan Alaidin Mahmud Syah (1760-1781 m), dan makam ibu serta saudara-saudara mereka yang lain.

Kedua ialah makam-makam Sultan Alaidin Muhammad Daud Syah (1823-1836 m), Sultan Alaidin Johar Alam Syah (1795-1824 m), Sultan Alaidin Ibrahim Mansur Syah (1857-1870 m), dan makam para pengeran serta saudara-saudara yang lain.



Penulis bersama ketua rombongan, Tuan Haji Mohd. Hisa Tabat di hadapan Rumoh Aceh di Kompleks BAPRIS.


Di pinggiran kompleks ini pula terletak makam-makam Sultan Iskandar Muda Meukuta Alam (Mahkota Alam 1604-1636 m) Puteri Sani, Puteri Pahang, Ratu Safiatuddin dan tiga Ratu lainnya yang pernah menjadu raja memerintah Aceh.

Dalam Kerajaan Aceh Darussalam, kawasan tanah perkuburan dikenali dengan dua nama aitu 'kandang' dan 'makam'. Kandang ialah sebutan bagi kawasan tanah perkuburan para raja dan orang bangsawan, manakala makam ialah untuk para ulama, sarjana dan golongan rakyat biasa.

Selain yang terdapat di BAPRIS, Kerajaan Aceh juga memelihara dan membaikpuli makam raja-raja, makam para ulama, makam pahlawan dan makam orang kenamaan di tempat-tempat lain seperti yang terdapat di kompleks Asrama Keraton, Kandang Bilui, Daerah Lheue, Mukim Lam Ara, Kompleks makam Teungku di Bale Pase, Kandang Blang Merduati Banda Aceh, Kandang Cot Bada Daerah Aceh besar, Kompleks Makam Syiah Kuala, Singkel dan beberapa tempat lagi.

Di kompleks Asrama Keraton terdapat makam-makam Sultan Ali Mughaiyat Syah (1511-1530 m), Sultan Alaidin Riayat Syah Al Qahhar (1539-1571 m), dan Sultan Alaidin Riayat Syah (1571 - 1579 m) Sementara di Daerah Kandang Bilui pula terdapat makam Sultan Alaidin Muzzafar Syah dan keluarga baginda. Kebanyakan batu nisan Kandang Bilui ini bernilai sejarah dan seni yang amat tinggi.

Di kompleks Kandang Kuta Karang terdapat makam Ratu Nihraisyah. Ukiran ayat-ayat Quran di sebelah kepala dan ukiran daun kembang di sebelah



Makam Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di BAPRIS.

kiri makam ini sangat indah, membuktikan ketinggian seni ukir Islam pada zaman kegemilangan Kerajaan Islam Samudera-Pasai.

Makam para ulama Aceh Yang terkenal Sultan Mahmud Malik Dhahir ialah di Kompleks Makam Teungku di Bale-Pase, makam Sheikh Abdurrauf Syiah-Kuala di Kompleks makam Syiah Kuala. Makam Hamzah Fansury di Singkel dan makam beberapa orang ulama terkenal Aceh yang terdapat di Daerah Mamprai.

TAMAN GAIRAH

Taman ini dibina pada zaman Sultan Iskandar Muda dan siap pembinaan pada zaman Sultan Iskandar Thani. Luasnya taman ini ialah 1000 meter persegi. Taman ini dijadikan tempat rekreasi di kota Banda Aceh. Pintu gerbang utamanya bergelar Pintu Biram Indera bangsa (PintuoKhoop). Antara bangunan yang indah dibina dalam taman ini ialah bangunan yang digelar "Gegunungan Menara Pertama".

RENCONG ACEH

Hingga kini, setiap rakyat Aceh memanifestasikan keagungan senjata tradisional mereka, iaitu senjata tajam yang diberi nama 'rencong'. Dengan senjata inilah rakyat Aceh dapat menewaskan Belanda. Ini adalah sebaga simbol kepahlawanan rakyat Aceh.

Bagi rakyat Aceh, rencong ialah senjata sakti yang sangat praktis, melambangkan kepahlawanan mereka. Hingga kini mereka memelihara keagungan senjata itu agar tidak luput dari ingatan generasi seterusnya.

Menurut sejarahnya, senjata rencong ini diilhamkan oleh Sultan Alaidin Riayat Syah Al-Qahhar. (Teungku M.Yunus Jamil : 1959).

PENUTUP

Rencana ini hanya dapat menyingkap dan melaporkan hanya sebahagian kecil usaha Kerajaan Aceh memelihara dan membaikpulih khazanah sejarah mereka.

Dalam satu rangka lawatan dan kajian yag singkat, tidak berapa banyak yang dapat diselidik tentang sejarah di Aceh yang terlalu luas itu.

Amat banyak lagi yang masih perlu dikaji dan diselidik, dan tidak termampu ditampung dalam jurnal yang kecil ini. Ini hanya sekadar rentetan perjalanan yang singkat dan amat menyeluruh.

Sumber Rujukan

1. Mohammad Said, "Aceh Sepanjang Abad," Penerbit Pengarang Sdn. Medan 1961.
2. M. Yunus Jamil, "Tawarikh Raja-raja Kerajaan Aceh", Penerbit Ajdam, Banda Aceh, 1968.
3. Prof Ali Hasjmy, " Kebudayaan Aceh Dalam Islam," Penerbit Beuna, Jakarta 1983.
4. Prof. Mahmud Yunus, "Sejarah pendidikan Islam Di Indonesia," Penerbit Pustaka Muhamadiyah, Jakarta, 1960.
5. Teungku Di meulek, "Qanun Meukuta Alam", naskah lama tulisan tangan di Perpustakaan dan Meseum Ali Hasjmy, Banda Aceh.